

Kes Poligami: Suatu Teladan Berdasarkan Kisah Puteri Saadong dan Raja Abdullah

Amiruddin Arman^{1*} dan Shaiful Bahri Md. Radzi¹

¹Universiti Kebangsaan Malaysia.

ABSTRAK

Poligami isu sensitif dalam perkahwinan. Pelaksanaannya boleh membawa kepada kebaikan dan juga keburukan dalam sesebuah kekeluargaan. Sebagai agama yang sempurna, Islam turut meletakkan syarat-syarat tertentu bagi kaum lelaki yang ingin berpoligami. Hikmahnya, kesucian sesebuah hubungan dan nasab keturunan dapat dipelihara. Meskipun begitu, poligami boleh menjurus ke arah timbulnya pergolakan dalam kehidupan berkeluarga. Perkara ini berpunca daripada sikap pengabaian peraturan Islam dalam berpoligami. Natijahnya, wujudlah pelbagai isu yang menimpa sesebuah hubungan keluarga seperti perceraian, pembunuhan, perebutan harta dan sebagainya. Hal sebegini turut ditemukan dalam naskhah Hikayat Seri Kelantan. Sebagai naskhah sastera sejarah, Hikayat Seri Kelantan menceritakan sejarah kehidupan keluarga golongan raja di Kelantan. Lebih menarik lagi, pada awal hikayat ini mengisahkan peristiwa berkenaan isu poligami menerusi kisah Puteri Saadong dan Raja Abdullah. Melalui watak Raja Abdullah, diperlihatkan sikapnya yang tidak berlaku adil menyebabkan punca kepada keruntuhan rumah tangga beliau. Secara tidak langsung, tindakan ini memberi kesan kepada Puteri Saadong sebagai satu bentuk penindasan dan kezaliman. Kisah ini mengemukakan keburukan berpoligami apabila seseorang tidak menjadikan aturan Islam sebagai asas panduan. Pada hakikatnya, poligami diharuskan untuk mengeratkan lagi pertalian kekeluargaan. Namun, sikap ketidakadilan individu yang berpoligami menjurus kepada perpecahan dalam hubungan kekeluargaan. Malah ia menimbulkan tanggapan negatif terhadap masyarakat kepada amalan tersebut. Dengan menggunakan pendekatan Islam, makalah ini akan meneliti kes poligami dalam kisah ini menerusi tiga isu, iaitu dendam, pembahagian tempat tinggal serta pengurusan harta. Perkara ini dilihat turut berlaku dalam kehidupan masyarakat kini yang mengamalkan poligami. Justeru, kisah ini dapat dijadikan sebagai sebuah teladan kepada generasi kini bertepatan dengan fungsi genre tersebut.

Kata kunci: Poligami, Puteri Saadong, Hikayat Seri Kelantan, Sastera Sejarah, Kekeluargaan.

Case of Polygamy: An Example Based on the Tale of Puteri Saadong and Raja Abdullah

ABSTRACT

Polygamy is marriage's sensitive issue. Its practice may invite goodness as well as harm within a family. Being a perfect and wholesome way of life, Islam permits polygamy and has outlined many a few specific instructions for men who wish to practice it. This permission in extension, allows the purity and sacredness of a relationship and the following family lineage remain safeguarded. However, polygamy as a double-edged sword may lead to havoc within the family. And this is due to the abandonment of Islamic instructions on polygamy itself. As a direct consequence, familial conflicts such as divorce, murder, fights over inheritance, etc. befall upon those transgressors. The same familial conflicts may also be found in the script of Hikayat Seri Kelantan. As a historical literature

*Koresponden: amiruddinarm@gmail.com

script, Hikayat Seri Kelantan depicts the historical lives of Kelantanese royal family. Interestingly enough, the script begins with the polygamous relationship between two key characters; Puteri Saadong and Raja Abdullah. Raja Abdullah character is depicted as unjust to his first wife, Puteri Saadong, which resulted to the fall out of his family. Indirectly, his inadequacies affected Puteri Saadong in ways of abuse and violence. This tale sheds light onto the dark side of polygamous marriage upon which one is negligent of Islamic instructions as his/her fundamentals. In truth, polygamy is permissible as in to better family ties, yet recurring unjust actions of those in polygamous marriages keep on leading to broken families, until after a certain point, it raises negative perceptions amongst society. Using Islamic approaches, this paper shall provide a more in-depth analysis of the case of polygamy in the aforementioned Hikayat Seri Kelantan, by addressing three issues; avengement, provision of residence as well as inheritance redistribution. This, which also see light in the modern age, may become as a moral story for today's generation, exacting the purpose of this genre.

Keywords: Polygamy, Puteri Saadong, Hikayat Seri Kelantan, Historical Literature, Family.

PENDAHULUAN

Fitrah manusia untuk berpasang-pasangan. Hubungan ini diperkukuhkan lagi dengan perkahwinan bagi membentuk sebuah keluarga yang bahagia. Keharmonian ini pula terjalin menerusi sifat berkasih sayang, tolong-menolong serta bertoleransi di antara suami dan isteri (Mustafa Daud, 1991:27). Meskipun begitu, krisis dalam sebuah kekeluargaan juga kerap berlaku yang kebiasaannya berpunca daripada ketidaksefahaman dalam kalangan ahli keluarga. Lebih menarik lagi, kisah sebegini turut hadir dalam naskhah-nakshah sastera sejarah yang menceritakan berkenaan kehidupan golongan istana (Mohd. Taib Osman, 1974:40-46). Segala perkara yang berkait rapat dengan kehidupan raja dimaktubkan sebagai satu teladan untuk generasi kini termasuklah perihal kekeluargaan. Dalam pengkisahan kekeluargaan golongan raja, penceritaan lebih menggambarkan unsur pergolakan berbanding kedamaian seperti peperangan, sumbang mahram, serta perebutan takhta. Misalnya dalam *Sejarah Melayu* menceritakan pergolakan rumah tangga Tun Ali dan Tun Fatimah, manakala *Hikayat Raja Pasai* pula mengisahkan peperangan berpunca daripada kematian Puteri Buluh Betung.

Sebagai nakshah sastera sejarah, *Hikayat Seri Kelantan* memaparkan tentang kisah kehidupan golongan raja silam Kelantan. Menariknya, pada permulaan hikayat ini telah mengemukakan kisah konflik kekeluargaan menerusi rumah tangga Puteri Saadong. Selari dengan karya-karya sastera sejarah lain yang menampilkan kisah konflik kekeluargaan, *Hikayat Seri Kelantan* juga turut menceritakan perkara tersebut seperti pembunuhan, dendam serta perebutan harta menerusi kisah Puteri Saadong. Namun bezanya dalam kisah ini, segala unsur konflik yang berlaku berpunca daripada ketidakadilan poligami menerusi watak Raja Abdullah. Dalam poligami, suami memainkan peranan yang penting dalam membentuk keharmonian keluarga melalui kesamarataan hak yang telah ditetapkan dalam Islam kepada para isteri. Berbeza pula dalam kisah ini, Raja Abdullah sebagai seorang suami kepada Puteri Saadong yang telah berpoligami tidak menunaikan hak-hak yang telah diaturkan dalam Islam seterusnya menyebabkan keruntuhan dalam institusi kekeluargaan. Pergolakan ini pula dapat dilihat pada tiga aspek, iaitu pembahagian tempat tinggal, pembahagian harta serta sifat dendam.

HIKAYAT SERI KELANTAN: KES POLIGAMI PUTERI SAADONG

Hikayat Seri Kelantan merupakan sebuah dokumen bersejarah yang menceritakan sejarah silam negeri Kelantan. Sebagai sebuah naskhah sastera sejarah, *Hikayat Seri Kelantan* memaparkan kisah-kisah sejarah yang memfokuskan kepada kehidupan istana yang terdiri daripada

golongan pembesar dan raja. Penceritaan yang dikemukakan kebiasaannya menerangkan kisah pembukaan negara kota, peperangan, asal-usul raja serta perihal kekeluargaan. Menariknya, hikayat ini mempersembahkan pembukaan penceritaan sejarahnya dengan kisah kekeluargaan yang berunsur konflik berpunca daripada ketidakadilan poligami. Perkara ini dapat ditatapi menerusi kisah terkenal dalam kalangan masyarakat Kelantan, iaitu kisah Puteri Saadong.

Sebelum menyentuh kepada isu poligami, kisah ini terlebih dahulu menceritakan perkahwinan Puteri Saadong bersama Abdullah yang diuji dengan ancaman Siam. Perkara ini berlaku berikutan daripada hasrat Raja Siam untuk memperisterikan Puteri Saadong. Bagi menyelamatkan negeri daripada kemusnahan yang teruk, tuan puteri telah berkorban dengan merelakan diri pergi ke Siam dalam suatu tempoh masa tertentu (Mohamad Noordin, 1982: 130). Pemergian Puteri Saadong ke Siam dalam tempoh waktu yang lama inilah menyebabkan Raja Abdullah telah berkahwin lain (berpoligami) tanpa pengetahuan beliau. Peristiwa ini boleh dikatakan bahawa Raja Abdullah berkemungkinan menganggap isterinya itu telah jatuh ke pangkuan Raja Siam serta tidak akan kembali. Kisah yang menyentuh perihal poligami ini dipaparkan sebagaimana petikan di bawah:

Sebermula maka tersebutlah kisah Tuan Puteri Sa'dung, tatkala berjumpa dengan Sultan Abdullah itu. Sepeninggalan Tuan Puteri Sa'dung pergi ke benua Siam itu, Sultan Abdullah pun beristeri seorang. Sebab itulah Tuan Puteri Sa'dung tiada bersetuju dengan Sultan Abdullah itu. Maka jatuh kerusinganlah Tuan Puteri Sa'dung itu.

(Mohd. Taib Osman, 2004:13)

Petikan di atas memerihalkan bermulanya detik poligami dalam kisah Puteri Saadong. Kepulangan tuan puteri ke tanah air kemudiannya disambut dengan perasaan kesedihan apabila mengetahui suaminya berkahwin lain tanpa mendapat persetujuannya. Dari satu sudut, perkahwinan Raja Abdullah dianggap wajar dan tidak memerlukan kepada persetujuan isterinya kerana beliau telah "kehilangannya" dalam satu tempoh masa yang lama. Pada masa yang sama beliau berkahwin lain kerana memerlukan peneman hidup untuk menagih rasa cinta dan kasih sayang setelah keseorangan sepanjang pemergian Puteri Saadong. Dalam aspek yang lain, persetujuan daripada isteri (pertama) tidak menjadi satu syarat untuk membolehkan pelaksanaan poligami. Sebaliknya, syarat utama adalah berasaskan kepada keadilan seorang suami terhadap para isterinya (Basri Ibrahim, 2008:75-76). Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah An-Nisaa' 3:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِسُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَنِّي وَتَلَّتْ رُبُعًا فَإِنِ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا ۝ ٣

Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain) dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.

Melalui ayat di atas, Allah SWT menjelaskan tentang keharusan seseorang lelaki untuk berpoligami. Dalam keharusan tersebut, tunjang utama yang terselit dalam ayat tersebut bagi membolehkan seseorang suami melakukan poligami adalah dengan berlaku adil. Oleh demikian, apabila seseorang itu merasa takut bagi dirinya untuk berbuat demikian maka sebaiknya mereka meneruskan dengan berkahwin seorang perempuan sahaja. Hal demikian bagi mengelakkan hikmah di sebalik pelaksanaan poligami tersebut bertukar kepada keruntuhan dalam sesebuah kekeluargaan. Penindasan, perbalahan, pembunuhan juga tidak mustahil berlaku sekiranya keadilan tidak dilaksanakan oleh kaum lelaki yang berpoligami.

Menyoroti poligami dalam kisah Puteri Saadong ini, perkara tersebut menjadi punca kepada berlakunya pengakhiran yang tragis. Puteri Saadong telah merasa dirinya telah dikhianati oleh suaminya yang telah berpoligami tanpa beliau mengetahuinya. Lebih-lebih lagi apabila Raja Abdullah tidak berlaku adil dan banyak menyakitkan hatinya sehingga menyimpan dendam terhadap suaminya sendiri. Lantaran itu, kezaliman Raja Abdullah ini memakan dirinya sendiri apabila Puteri Saadong telah membunuhnya. Sehubungan dengan itu, menerusi kes poligami dalam kisah ini dapat diambil sebagai pengajaran terhadap masyarakat dalam perspektif hubungan kekeluargaan.

Dalam dunia moden kini, masalah yang sering timbul adalah apabila para suami telah menggunakan keharusan berpoligami tanpa melaksanakan syarat utamanya, iaitu keadilan. Lebih berat lagi, poligami seolah-olah menjadi salah satu jalan untuk memuaskan kehendak nafsu syahwat. Seandainya persepsi sebegini digunakan oleh masyarakat, maka pelaksanaan poligami malah akan menambahkan lagi pergolakan dalam rumah tangga (Zaini Nasohah, 2000:63). Seajar dengan itu, kes poligami dalam kisah ini telah mengakibatkan timbulnya beberapa masalah dalam hubungan kekeluargaan Puteri Saadong bersama Raja Abdullah yang boleh diambil sebagai teladan. Perkara ini seterusnya akan dibahagikan kepada tiga aspek perbincangan, iaitu pembahagian tempat tinggal, pembahagian harta serta sifat dendam.

Tempat Tinggal

Pelaksanaan poligami berpaksikan kepada keadilan. Tuntutan daripada keadilan adalah berupa persamaan dalam pemberian nafkah sama ada pakaian, giliran bermalam, makan minum serta tempat tinggal (Zulkifli Mohamad, 2009:27). Dalam penyediaan tempat tinggal, para isteri berhak disediakan kediaman sebagai nafkah wajib daripada suami mereka mengikut kadar kemampuan masing-masing. Penginapan ini sangat penting bagi memberi perlindungan dan menjaga aib para isteri (Wahbah Zuhaili, 2011:123). Seajar dengan itu, para isteri yang dipoligamikan turut berhak memperoleh tempat kediaman masing-masing tanpa disatukan dalam sebuah rumah bagi mengelakkan timbulnya sebarang fitnah atau pertikaian, secara tak langsung menjaga maruah para isteri.

Antara dalil-dalil yang menunjukkan bahawa isteri berhak untuk disediakan tempat penginapan adalah menerusi firman Allah SWT dalam Surah Al-Talaq ayat 6:

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ وُجْدِكُمْ وَلَا تُضَارِرُوهُنَّ لِضُرَّتِهِنَّ وَإِن كُنَّ أُولَاتٍ حَمَلٍ فَلَا تُجْرِفُوهُنَّ عَلَىٰ بَعْضِ مَا كَانَ يُحْمَلُ بِهِ إِنْ كُنَّ آجُورَهُنَّ وَأَمْرُهُمْ بَيْنَكُمْ بِمَعْرُوفٍ وَإِن تَعَاَسَرْتُم فَسُدِّدُوا لَهُنَّ الْأُخْرَىٰ ۗ

Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani idahnya) itu di tempat kediaman kamu mengikut kadar kemampuan kamu, dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) dengan tujuan hendak menyusahkan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu). Dan jika mereka dalam keadaan mengandung, maka berikanlah mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandung. Kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah mereka upahnya dan berundinglah di antara kamu dengan cara yang baik. Dan (sebaliknya) jika kamu (daripada kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya.

Ayat suci di atas mengandungi perintah Allah SWT supaya para suami yang telah menceraikan isteri untuk memberikan tempat tinggal kepada mereka selagi masih berada dalam tempoh idah. Menurut Abdul Nasir Taufiq (1976) terhadap ayat ini bahawa sekiranya perempuan yang diceraikan (masih dalam tempoh idah) berhak memiliki tempat tinggal, maka secara tidak langsung perempuan yang masih bergelar isteri (tanpa cerai) lebih berhak untuk disediakan kediaman untuk keperluan hidup mereka.

Ringkasnya, dalam konteks perbincangan ini isteri yang dipoligamikan berhak mendapat tempat tinggal setiap seorang daripada mereka. Oleh itu, nafkah tempat tinggal menjadi hak kepada isteri seterusnya tidak boleh menempatkan ahli keluarga yang lain bersama-sama menetap dengan isteri. Hal ini demikian kerana boleh menyebabkan para isteri tidak merasa tenteram dan bebas dalam melakukan perkara peribadi mahupun pergaulan bersama suami mereka. Malahan, terdapat ulama mengatakan dalam menyatukan para isteri yang dipoligamikan dalam sebuah rumah turut perlu diasingkan serta disediakan bilik khusus (terasing daripada isteri lain) setiap daripada mereka (Wahbah Zuhaili, 2002:124).

Dalam kisah Puteri Saadong, telah diceritakan bahawa setelah tuan puteri berada di Siam dalam suatu tempoh masa yang lama, akhirnya beliau selamat pulang ke tanah air untuk bertemu suaminya Raja Abdullah. Sungguhpun demikian, pemergiannya itu merupakan punca Raja Abdullah berkahwin lain tanpa pengetahuan beliau. Tuan puteri merasa lebih sedih apabila mendapati madunya mendiami istana miliknya bersama Raja Abdullah. Peristiwa ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

Sebermula maka tersebutlah kisah Tuan Puteri Sa'dung, tatkala berjumpa dengan Sultan Abdullah itu. Sepeninggalan Tuan Puteri Sa'dung pergi ke benua Siam itu, Sultan Abdullah pun beristeri seorang. Sebab itulah Tuan Puteri Sa'dung tiada bersetuju dengan Sultan Abdullah itu. Maka jatuh kerusinganlah Tuan Puteri Sa'dung itu. Maka dengan sebab itu, maka Tuan Puteri Sa'dung pun suruh Sultan Abdullah bawa beralih akan isteri yang baru itu kerana mahligai itu ia punya, maka Sultan Abdullah beri orang lain duduk kerana ia hendak duduk mahligai itu.

(Mohd. Taib Osman, 2004:13)

Petikan ini menunjukkan Puteri Saadong membuat rayuan untuk mengalihkan madunya daripada tinggal bersama bagi menjaga kepentingan hubungan kekeluargaan daripada hancur. Permintaan Puteri Saadong ini menunjukkan dirinya tidak bersetuju untuk menetap bersama madunya apatah lagi istana itu miliknya. Ia juga memperlihatkan tuan puteri seolah-olah tidak mampu untuk mengawal perasaan cemburunya sebagai seorang wanita seandainya menetap dalam sebuah istana. Beliau mengetahui dengan tidak dapat mengawal perasaan cemburu akan membuat hubungan kekeluargaan mereka musnah. Perkara ini dibuktikan bahawa cemburu wanita cenderung dikuasai dengan kegelisahan dan kesangsian. Mereka kurang mempercayai sama ada dengan wanita yang kemungkinan boleh merampas kasih sayang serta menyimpan perasaan iri hati dan cinta daripada para suami yang berkemungkinan boleh mengkhianati diri mereka (Amina Noor, 2002:16).

Dalam berpoligami, perkara sedemikian merupakan antara masalah kebiasaan yang sering berlaku apabila melibatkan lebih daripada seorang isteri. Menerusi kisah Puteri Saadong, dapat dikemukakan bahawa tuan puteri seakan-akan kurang mempercayai dan takut Raja Abdullah akan memberi lebih perhatian kepada isteri kedua secara tidak langsung telah merebut kasih sayang suaminya. Lebih-lebih lagi dirinya telah dikhianati sebelum ini, maka perasaan keyakinan terhadap Raja Abdullah telah berpudar dan merasakan tidak mustahil bagi Raja Abdullah untuk mengkhianati dirinya lagi.

Di samping itu juga, dengan kecantikan tuan puteri yang cukup rupawan ditakuti menimbulkan perasaan cemburu oleh madunya. Hal ini demikian kerana pada diri wanita itu mempunyai perasaan bahawa mereka mempunyai kelebihan dan keistimewaan tersendiri berbanding wanita lain dalam memberi kesenangan dan menarik perhatian pada suami (Amina Noor, 2002:18). Dengan kata lain, mereka tidak boleh melihat wanita lain mempunyai kelebihan mengatasi diri mereka sendiri dari pelbagai aspek misalnya kecantikan, kekayaan serta penghargaan. Sehubungan dengan itu, perkara ini merupakan saingan yang turut membawa kepada keruntuhan dalam hubungan kekeluargaan. Tindakan Puteri Saadong dianggap begitu wajar kerana telah banyak menghindarkan daripada berlakunya pergolakan dalam rumah tangganya.

Berbalik pada kupasan tentang tempat tinggal bagi isteri yang dipoligamikan, perkara ini diperkukuhkan lagi menerusi pandangan Imam Nawawi. Menurutnya, para suami dilarang untuk mengumpulkan para isteri dalam satu kediaman melainkan mendapat persetujuan daripada mereka. Perkara ini dititikberatkan kerana ditakuti boleh membawa kepada permusuhan dalam kalangan isteri sekiranya ditempatkan dalam sebuah kediaman (Basri Ibrahim, 2008:103).

Meskipun begitu, Raja Abdullah tidak menghiraukan permintaan Puteri Saadong agar mengalihkan isteri keduanya itu. Keadaan ini kemudiannya mencetuskan pembunuhan yang menyaksikan tuan puteri mati dibunuh oleh Raja Abdullah;

Maka Sultan Abdullah tidak peduli seperti kehendak Tuan Puteri Sa'dung itu. Maka tiada berapa lamanya lalu berbalah Tuan Puteri Sa'dung itu dengan Sultan Abdullah. Maka berkelahilah antara keduanya itu. Maka Sultan Abdullah pun naiklah kemarahan yang amat sangat kepada Tuan Puteri Sa'dung itu serta diambil pedang lalu dipancung, kenalah leher Tuan Puteri Sa'dung itu. Maka leher Tuan Puteri Sa'dung itu pun putus dua. Maka Tuan Puteri Sa'dung pun matilah.

(Mohd. Taib Osman, 2004:13)

Meneliti sikap Raja Abdullah yang begitu dingin ini, dapat ditafsirkan berkemungkinan bahawa beliau beranggapan kesucian isterinya yang cantik itu telah dirosakkan oleh Raja Siam. Oleh demikian, beliau merasa tawar hati untuk melayani isterinya itu dengan baik. Lebih-lebih lagi anggapan Raja Abdullah ini tidak dapat dibuktikan dengan mana-mana saksi. Sungguhpun begitu, Puteri Saadong masih merupakan seorang wanita yang suci serta menjaga maruahnya. Peristiwa ini diperihalkan seperti petikan di bawah:

Maka raja Siam pun hendak penggang lagi, lalu disembur oleh Tuan Puteri Sa'dung dengan sempah pinangnya, lalu kenalah dada raja Siam itu. Maka raja Siam pun terkejutlah, lalu kata oleh raja Siam, "Apalah Tuan Puteri Sa'dung sembur sempah sirih kepadaku ini?" Maka lepaslah daripada kena sembur itu, tiada berapa hari, lalu raja Siam pun naik penyakit kayat dada Raja Siam itu.

(Mohd. Taib Osman, 2004:10)

Daripada kisah ini, telah menggambarkan bahawa para isteri yang telah dipoligamikan dilarang untuk menetap pada tempat tinggal yang sama, melainkan dipersetujui mereka. Perkara ini kerana untuk mengelakkan berlakunya perpecahan dalam institusi rumah tangga seperti hasad dengki, fitnah serta pergaduhan. Para isteri merupakan makhluk yang telah diciptakan istimewa kepada kaum lelaki. Diri mereka mudah diselubungi perasaan cemburu, mudah terguris serta mahu perhatian yang khusus daripada suami. Dengan menetapkan mereka pada satu tempat tinggal merupakan tindakan yang tidak wajar kerana berkemungkinan menyebabkan wujudnya dalam diri mereka sifat tercela sehingga berlaku pertikaian dalam hubungan suami dan isteri.

Pembahagian Harta

Harta begitu penting kepada manusia sama ada untuk melangsungkan kehidupan mahupun dalam pelaksanaan ibadah. Islam tidak hanya menyuruh umatnya semata-mata untuk mencari harta atau rezeki yang halal, malah turut memfokuskan cara pengurusan sesebuah harta tersebut. Sedekah, wasiat dan wakaf merupakan antara cara pengurusan harta yang telah diajar dalam Islam bersesuaian mengikut pemilikan harta tersebut. Bahkan kisah-kisah para nabi yang menjadi sebagai pengajaran juga tidak terlepas daripada terselitnya nilai teladan dalam menguruskan harta misalnya menerusi kisah Nabi Yusuf. Baginda telah menyuruh agar sebahagian kekayaan hasil bumi Mesir yang subur sepanjang tempoh tujuh tahun disimpan bagi menghadapi musim kesulitan kemarau pada tujuh tahun mendatang. Mekanisme pengurusan "harta" daripada risiko yang telah disusun baginda telah memberi manfaat kepada ramai rakyat

ketika itu termasuk ahli keluarganya. Oleh itu, pengurusan harta begitu penting dalam masyarakat Islam.

Sebagai agama yang sempurna, Islam juga turut menitikberatkan pengurusan harta seseorang yang telah meninggal dunia. Harta pusaka mereka yang telah ditinggalkan mempunyai hak ke atas ahli waris bagi memperoleh harta tersebut mengikut kadar yang telah ditetapkan disisi syarak. Pewarisan harta ini turut dikenali sebagai ilmu faraid dalam fikah Islam yang mengemukakan berkaitan penyelesaian masalah pembahagian harta warisan kepada golongan pewaris berpandukan ketetapan syarak (Wahbah Zuhaili, 2011:340). Perkara ini telah banyak disebutkan dalam Al-Quran antaranya firman Allah SWT pada Surah An-Nisaa' ayat 12:



﴿وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُنَّ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمْ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِينَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَلَهُنَّ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ تُوصُونَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ

Dan bahagianmu (suami-suami) adalah satu perdua daripada harta yang ditinggalkan oleh isteri-isterimu jika mereka tidak mempunyai anak. Jika mereka (isteri-isterimu) itu mempunyai anak, maka kamu mendapat satu perempat daripada harta yang ditinggalkannya setelah dipenuhi wasiat yang mereka wasiatkan atau (dan setelah bayar) hutangnya. Para isteri memperoleh seperempat daripada harta yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak. Jika kamu mempunyai anak, maka para isteri memperoleh satu perempat daripada harta yang kamu tinggalkan atau (dan setelah dibayar) hutang-hutangmu.

Dari ayat tersebut, jelaslah bahawa pembahagian harta pusaka merupakan ketetapan yang telah disusunkan oleh Allah SWT untuk diserahkan kepada pewaris yang terdiri daripada pelbagai lapisan kedudukan. Perkara ini kemudiannya diperincikan lagi oleh para fuqaha berkaitan permasalahan kadar jumlah pengagihan harta bersandarkan nas-nas Quran dan hadis. Sehubungan dengan itu, ia menunjukkan bahawa sistem pengurusan harta ini merupakan ciptaan Allah yang memberi manfaat kepada hamba-Nya, bukannya rekaan manusia yang mempunyai kelemahan.

Dalam kisah Puteri Saadong telah diceritakan kepulangan tuan puteri ke Kelantan setelah sekian lama berada di bawah kekangan Siam. Namun begitu, kegembiraan bertukar menjadi kesedihan apabila tuan puteri mengetahui suaminya Raja Abdullah telah berpoligami tanpa pengetahuannya langsung. Perbuatan suaminya itu membuat diri beliau rasa ditipu dan dianiyai oleh suami sendiri setelah banyak berkorban untuk menyelamatkan negara kota daripada serangan Siam. (Mohamad Noordin, 1982:130). Akan tetapi, jasanya tidak dihargai langsung oleh Raja Abdullah. Setelah mengetahui perkara ini, Puteri Saadong telah membunuh Raja Abdullah angkara perbuatan kezalimannya sendiri terhadap tuan puteri sehingga berlaku kematian. Apabila meninggal dunia, segala harta milik Raja Abdullah telah dibahagikan oleh Puteri Saadong kepada madunya beserta Sultan Ibrahim.

Harta yang ditinggalkan oleh Raja Abdullah mempunyai hak ke atas pewarisnya yang masih hidup. Selari dengan itu, pewaris yang dimaksudkan adalah kedua-dua isteri Raja Abdullah; yang terdiri daripada Puteri Saadong dan isteri kedua, kemudiannya adiknya Sultan Ibrahim. Meninjau dalam pembahagian harta Raja Abdullah ini, ia dikelaskan kepada dua pecahan menerusi harta sepercaraan dan harta faraid sebagaimana rajah di bawah:



Rajah 1. Pembahagian harta Raja Abdullah.

Sebelum berkahwin bersama Raja Abdullah, Puteri Saadong mempunyai kekayaan harta tersendiri yang telah diwarisinya daripada Cik Siti Wan Kembang setelah menaiki takhta menggantikan ibu angkatnya sebagai pemerintah Kelantan. Ini membuktikan bahawa sebelum berkahwin tuan puteri sudah mempunyai harta kekayaan sendiri. Perkahwinan beliau dengan Raja Abdullah kemudiannya membuatkan harta beliau dikongsikan bersama atas dasar hubungan suami dan isteri. Kematian Raja Abdullah akhirnya menjadikan Puteri Saadong berhak mewarisi harta sepencarian sepanjang beliau bersama suaminya itu yang berupa sebuah istana. Lebih-lebih lagi istana itu merupakan harta milik beliau yang diwarisi daripada Cik Siti Wan Kembang. Setelah berlakunya kematian yang melibatkan Raja Abdullah, maka Puteri Saadong telah menyerahkan istana (harta sepencarian) kepada madunya seperti petikan berikut;

Maka lalu bersabda Tuan Puteri Sa'dung itu, "Sekalian mahligai istanaku ini aku beri kepada kamu semuanya kerana kamu pun sudah duduk dengan Sultan Abdullah lamanya. Dari mahligai ini, aku tiada maun ambillah, aku beri kepada kamu sekaliannya kerana aku hendak pergi buat kampung di Bukit Marak semula.

(Mohd. Taib Osman, 2004:17)

Petikan ini menunjukkan bahawa Puteri Saadong telah menyerahkan istananya (harta sepencarian) kepada isteri kedua Raja Abdullah. Perbuatan ini dilakukan olehnya kerana merasakan belas kasihan terhadap madunya yang hilang tempat penggantungan utama setelah melalui tempoh perkahwinan yang singkat. Oleh itu, beliau telah menghadiahkan (hibah) istananya kepada madu bagi mengurangkan kesedihan. Pemberian ini juga menunjukkan bahawa Puteri Saadong tidak menganggap madunya bersalah kerana penindasan dalam berpoligami. Sebaliknya, penindasan terhadap dirinya sememangnya berpunca daripada sikap buruk Raja Abdullah sendiri.

Dari sudut harta yang difaraidkan pula, Puteri Saadong telah menyerahkan kerajaan (harta pusaka) kepada adik iparnya Sultan Ibrahim sebagai tanda menebus dosa kesalahannya. Dalam Islam, sesuatu pemberian berbentuk harta juga boleh dikira untuk menutup kesalahan pesalah khususnya terhadap kezaliman sesama manusia. Dari susunan pembahagian warisan pula, harta pusaka yang ditinggalkan Raja Abdullah (si mati) berhak dimiliki kepada Puteri Saadong dan isteri keduanya terlebih dahulu yang tergolong dalam *ashab al-furud*.

Harta yang diperoleh oleh isteri kedua telah dibincangkan sebelum ini yang mendapat hibah daripada Puteri Saadong kerana Raja Abdullah tiada meninggalkan harta kepadanya. Tindakan Puteri Saadong dengan menyerahkan kerajaan kepada Sultan Ibrahim seolah-olah mengetahui dirinya terhalang (*mahrūm*) daripada mewarisi harta pusaka Raja Abdullah. Perkara ini jelas dalam ilmu faraid bahawa pembunuh tidak berhak mewarisi harta pusaka.

Dengan terhalangnya harta pusaka kepada Puteri Saadong, maka ia terus diperolehi kepada Sultan Ibrahim yang tergolong dalam *asabah*. Terdapat beberapa perkara yang menghalang ahli waris daripada mewarisi harta si mati. Para fuqaha bersepakat tiga penghalang warisan, iaitu hamba, perbezaan agama serta pembunuhan. Melihat dalam perbincangan pembunuhan, Imam Syafie berpendapat bahawa segala bentuk pembunuhan yang dilakukan oleh ahli waris kepada si mati akan terhalang secara mutlak daripada mewarisi harta pusaka (Wahbah Zuhaili, 2002:357). Hal ini bersandarkan hadis Rasulullah SAW "Orang yang membunuh tidak mempunyai hak warisan". Tindakan Puteri Saadong dalam memberikan harta yang terhalang untuk dimilikinya kepada Sultan Ibrahim ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah;

Maka tatkala berfikir demikian itu lalu bersabda Tuan Puteri Sa'dung itu kepada Raja Ibrahim itu, "Baiklah adinda fasal kerajaan itu kakanda beri kepada adindalah memerintah ganti kakanda Sultan Abdullah itu.

(Mohd. Taib Osman, 2004:18)

Dalam kisah Puteri Saadong yang dipoligamikan, dapat juga diteladani menerusi pengurusan harta. Pembahagian harta pusaka begitu penting untuk diuruskan berlandaskan hukum syariat kepada ahli waris yang berhak. Hal ini supaya tidak menimbulkan pertikaian dalam kalangan ahli keluarga lebih-lebih lagi yang berpogami melibatkan banyak ahli. Seterusnya, hubungan silaturrahim sesama keluarga juga akan semakin akrab dengan memperolehi bahagian harta masing-masing tanpa perbalahan dan hasad dengki.

Dendam

Poligami diharuskan dalam Islam. Pelaksanaannya memberikan manfaat bagi menjaga kemaslahatan hubungan kekeluargaan. Dari sudut yang lain, poligami boleh menimbulkan krisis rumah tangga akibat daripada ketidakpatuhan terhadap syarat pelaksanaannya. Perkara ini berikutan daripada ketidakadilan suami terhadap isteri mereka. Secara tidak langsung, ia turut menjadikan para isteri terasa dianiyai, terseksa malah menyimpan dendam terhadap suami mereka.

Kisah Puteri Saadong memperlihatkan bahawa pengorbanan Puteri Saadong tidak dihargai apabila suaminya telah berkahwin lain setelah kepulangan beliau daripada kekangan Siam. Beliau juga merasa telah dianiyai apabila Raja Abdullah telah berkahwin secara bersembunyi tanpa pengetahuannya. Lebih mendukacitakan, beliau telah dilayan dengan buruk oleh suaminya itu malah dibunuh. Oleh sebab itu, setelah dihidupkan semula beliau telah menyimpan dendam terhadap suaminya itu. Ia dapat dilihat menerusi petikan ini;

Lalu Tuan Puteri Sa'dung pun bersabda kepada Sultan Abdullah itu, "Ya kakanda kakanda sampainya hati dan sampainya rasa sungguh kakanda membunuh adinda ini dengan tiada suatu kedosaan. Maka sudah paduka kakanda sampai hati membuat adinda maka adinda pun ingatlah juga budi kakanda itu. Jikalau kakanda buat budi, paduka adinda balas budi. Demikian lagi adinda mendengar daripada orang tua-tua, demikianlah katanya: Utang budi dibayarkan budi, utang darah dibayarkan darah, dan utang malu dibayarkan malu, dan utang mati dibayarkan mati.

(Mohd. Taib Osman, 2004:15-16)

Menurut Muhammad Abduh (2017), poligami juga boleh menimbulkan ke arah kemudaratan yang melibatkan dendam permusuhan dalam kalangan keluarga sehingga menimbulkan keruntuhan institusi tersebut. Bukan sekadar itu, kemudaratanya malah boleh menyebabkan berlakunya pembunuhan sesama keluarga. Selari dengan pandangan Muhammad Abduh, kisah Puteri Saadong menyaksikan kezaliman Raja Abdullah telah menjadikan punca tuan puteri begitu berdendam sehingga bertindak membunuh suaminya itu sebagaimana petikan di bawah:

Lalu Tuan Puteri Sa'dung pun hampir dekat serta angkat pedang, dipancung akan Sultan Abdullah itu tiada sempat lagi hendak membalaskan lalu kena leher Sultan Abdullah itu penggal dua. Maka Sultan Abdullah pun matilah.

(Mohd Taib Othman, 2004:16)

Perkara ini dikuatkan lagi dengan hujah Imam Ghazali berkaitan dengan sifat dendam. Beliau mengatakan bahawa dendam berpunca daripada perasaan marah yang membuak-buak terhadap seseorang. Dengan terbitnya perasaan dendam, maka hati merasa benci serta ingin menjauhi seseorang yang didendamkan sehingga menimbulkan pelbagai perkara-perkara buruk termasuklah perbuatan membinasakan atau membunuh. Hal ini juga berikutan daripada sifat

marah yang berlebih-lebihan sehingga mampu untuk melakukan perkara yang di luar kawalan seperti membunuh (Muhammad Jamaluddin, 2005:127-155).

Sejajar dengan pandangan ini, boleh diperkatakan bahawa perasaan marah yang begitu mendalam oleh Puteri Saadong terhadap Raja Abdullah membuatnya begitu berdendam sehingga merasakan benci dan ingin menjauhi suaminya. Perkara kemudiannya dibuktikan apabila beliau sanggup bertindak membunuh Raja Abdullah. Dari satu sudut yang lain, tindakan beliau ini di anggap wajar kerana seandainya Raja Abdullah tidak dibunuh, berkemungkinan beliau akan mengulangi perbuatan kezalimannya itu. Kemarahan Puteri Saadong dapat dilihat sebagaimana petikan ini:

Maka di dalam berkata-kata itu muka Tuan Puteri Sa'dung merah seperti bunga raya kerana sangatlah marahnya seperti ular mengeluarkan bisanya, sambil dipenggang hulu pedang.

(Mohd. Taib Osman, 2004: 16)

Poligami bertujuan untuk menjaga kemaslahatan kekeluargaan. Namun, pelaksanaannya tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya dengan memandang rendah terhadap hak para isteri. Suami perlu memahami perasaan isteri dengan melakukan perkara-perkara yang disenangi mereka. Oleh itu, Islam telah meletakkan keadilan sebagai syarat penting untuk berpoligami. Pengabaian terhadapnya boleh cenderung ke arah melahirkan pelbagai perkara keburukan antaranya menimbulkan dendam permusuhan di antara keluarga sehingga melibatkan pembunuhan (Muhammad Abduh, 2017:39-40). Oleh yang demikian, Muhammad Abduh begitu bertegas dalam hal poligami dengan berpandangan bahawa poligami tidak boleh dilaksanakan sekiranya suami tidak mempunyai hal-hal khusus seperti isteri tidak mampu mengandung dan sebagainya.

KESIMPULAN

Poligami merupakan isu yang hangat diperkatakan dalam hal perkahwinan. Islam telah mengharuskannya dengan meletakkan syarat khusus (keadilan) kepada kaum lelaki sebagai kebertanggungjawaban mereka. Dengan mengikuti panduan syarak, pelaksanaan poligami dapat memberi banyak hikmah dan kebaikan terhadap hubungan kekeluargaan, malah turut mengikuti sunah Rasulullah SAW yang turut berpoligami. Dalam pada itu, pelanggaran terhadap aturan Islam dalam hal poligami pula boleh mengundang keretakan hubungan dalam kalangan suami dan isteri. Kesannya, timbulnya penindasan dan kezaliman kepada para isteri terutamanya isteri pertama seperti kurang kasih sayang, tidak dihargai, tidak adil dalam pembahagian harta dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, masyarakat perlu lebih peka terhadap isu ini dengan banyak membaca bahan bacaan berkaitan kekeluargaan. Antara medium yang boleh didapati adalah melalui kisah-kisah kekeluargaan dalam karya sastera sejarah.

Hikayat Seri Kelantan sebagai karya sastera sejarah turut menceritakan kisah kekeluargaan menerusi kisah poligami Raja Abdullah. Penceritaannya mengemukakan sebabnya terjadi poligami dalam kisah ini berikutan daripada pengorbanan Puteri Saadong pergi ke Siam demi menyelamatkan tanah air tercinta. Kepulangan Puteri Saadong ke tanah air kemudiannya dirasai kesedihan apabila suaminya berkahwin lain (poligami) tanpa pengetahuannya. Lebih memilukan lagi, kes poligami dalam kisah ini lebih cenderung kepada menimbulkan konflik kekeluargaan sehingga berakhir dengan peristiwa tragis. Keadaan ini juga berpunca daripada kezaliman Raja Abdullah yang tidak menunaikan tanggungjawabnya untuk melakukan keadilan dalam berpoligami. Melalui kes poligami ini, timbulnya beberapa isu yang telah diperbahaskan dalam makalah ini seperti pembahagian tempat tinggal, pembahagian harta serta sifat dendam.

Perkara ini juga turut dilihat dapat memberikan pengajaran kepada masyarakat kini dalam perihal kekeluargaan khususnya poligami.

RUJUKAN

- Al-Khin, Mustafa, al-Bugha, Mustafa & Ali Syarbaji. (2009). *Al-fiqh al-manhaji mazhab al-syafie* (Zulkifli Mohamad, Terj.). Selangor: Darul Syakir Enterprise.
- Amina Noor. (2002). *Merawat dugaan nafsu*. Selangor: Synergymate Sdn. Bhd.
- Basri Ibrahim. (2008). *Hidup bahagia dengan poligami*. Kuala Lumpur: PTS Islamika.
- Mohamad Noordin. (1982). Puteri Sa'adong dan sejarah Kota Jelasin. Dlm Khoo Kay Kim (pnyt.). *Beberapa aspek warisan Kelantan*, hlm. 118-132. Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd.
- Mohd. Taib Osman. (1974). *Kesusasteraan melayu lama*. Kuala Lumpur: Federal Publications Sdn. Bhd.
- Mohd. Taib Osman. (2004). *Hikayat Seri Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Jamaluddin. (2002). *Bimbingan untuk mencapai tingkat mukmin*. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Mustafa Hj. Daud. (1991). *Perkahwinan menurut islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- U. Abdurrahman. (2017). Penafsiran Muhammad 'Abduh terhadap al-quran surat al-nisa' ayat 3 dan 129 tentang poligami. *Al-Adalah*, 14(1), 25-44.
- Wahbah Az-Zuhaili. (2011). *Fiqh islam wa adillatuhu*. Jil. 10 (Abdul Hayyie, Terj.). Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Zaini Nasohah. (2000). *Poligami hak keistimewaan menurut syariat islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.